

Sekular Tolak Ilmu Akhirat

OLEH: Dr. Adibah Abdul Fuh



Walaupun ia tidak dapat dibuktikan dengan cara eksperimen mahupun dilihat dan dirasa dengan mata kasar, ia tetap tidak boleh dipisahkan dengan ilmu dunia.

Pendidikan adalah satu proses lengkap yang meliputi segala aspek kehidupan manusia. Ia satu proses pembelajaran serta pengajaran yang disalurkan kepada generasi muda bagi membolehkan mereka mengetahui tentang kehidupan sekali gus menjelaskan bagaimana seharusnya mereka memenuhi tujuan hidup secara berkesan. Ianya merangkumi latihan fizikal, mental serta moral

Daripada perspektif Islam, sistem pendidikan tidak harus dipisahkan daripada nilai-nilai agama dan moral kerana senario tersebut boleh menyebabkan

Secara dasarnya proses pendidikan dapat dibahagikan kepada tiga jenis iaitu informal, formal dan non-formal. Pendidikan informal bermaksud proses pembelajaran yang berlaku secara tidak langsung serta tidak sistematik. Institusi terpenting bagi jenis pendidikan ini adalah rumah dan ianya dianggap sekolah pertama bagi setiap individu manakala ibu pula dianggap sebagai guru pertama mereka. Pendidikan formal

Institusi terpenting bagi pendidikan formal adalah sekolah, universiti, dan pelbagai pusat pengajian lain.

Di dalam pendidikan formal, guru-guru dan kurikulum pengajian adalah fasilitator terpenting dalam proses pembelajaran. Manakala pendidikan non-formal disalurkan oleh institusi atau organisasi tertentu seperti penganjuran kelas dewasa, program pendidikan agama yang diadakan di masjid-masjid dan sebagainya. Walau apapun cara pendidikan yang diperoleh tujuan utama adalah untuk melahirkan individu yang berilmu serta beramal.

Daripada perspektif Islam, sistem pendidikan tidak harus dipisahkan daripada nilai-nilai agama dan moral kerana senario tersebut boleh menyebabkan keruntuhan sosial di dalam masyarakat. Fenomena keruntuhan sosial jelas dapat dilihat di dalam masyarakat barat hari ini dan faktor utama yang menyumbang kepada permasalahan ini adalah sistem pendidikan mereka sendiri. Sistem pendidikan liberal Barat gagal mencetuskan nilai-nilai moral terhadap golongan generasi baru.

Ia banyak menyalurkan keperluan material dan langsung tidak menitikberatkan persoalan spiritual. Sistem tersebut gagal merangkum ilmu pengetahuan menjadi satu konsep yang lengkap sekali gus gagal mengeluarkan modal insan yang mampu menggarap serta menyelesaikan segala isu berkaitan kehidupan. Sistem pendidikan liberal barat ini jelas menyerap idea sekularisme yang memisahkan nilai-nilai agama serta spiritual daripada segala aspek pengajaran. Justeru, pelajar bebas daripada batasan agama serta nilai-nilai moral malah menjadi hamba kepada nafsu diri.

Konsep pendidikan dalam Islam memainkan peranan yang besar dalam membentuk keperibadian generasi muda. Tujuan pendidikan bukanlah semata-mata bagi memperoleh pekerjaan yang bagus serta gaji lumayan malah objektif utama ialah untuk melahirkan cendekiawan yang patuh kepada Tuhan. Justeru, sistem pendidikan seharusnya dapat membimbing manusia ke arah yang benar di mana mereka mampu berfikir, merancang, dan melaksanakan segala sesuatu berlandaskan kemahuan Tuhan.

Oleh itu, tujuan utama pendidikan adalah untuk melengkapi manusia dengan panduan tentang kehidupan sebenar. Malah, inilah misi utusan segala nabi iaitu untuk memberi pengajaran kepada

Ilmu naqliah amat penting dipelajari bagi memenuhi tuntutan agama dan keperluan spiritual individu manakala ilmu aqliah pula perlu bagi menjamin perkembangan sosial di dalam masyarakat.

manusia, memandu mereka ke jalan yang diredhai oleh agama, membina kebaikan di dalam masyarakat, serta memulihkan akhlak. Dapat kita simpulkan di sini bahawa elemen penting di dalam sistem pendidikan Islam ialah memperoleh segala ilmu yang bermanfaat dan membersihkan jiwa dari segala kemungkaran. Dalam er ti kata yang lain, sistem sedemikian mampu melahirkan manusia yang berilmu pengetahuan tinggi serta berakhlak mulia.

Oleh kerana sistem pendidikan Islam adalah bersandarkan orientasi agama maka kurikulum yang dianjurkan juga harus diterapkan dengan subjek-subjek agama yang fundamental. Antaranya ialah ilmu Tauhid yang menjelaskan ilmu tentang Pencipta dan sifat-sifatNya. Ilmu ini amat penting bagi mengukuhkan aqidah dan sebagaimana kita maklum keutuhan aqidah adalah asas kemajuan ummah. Selain rukun-rukun iman dan Islam, ilmu Sirah harus juga ditekankan memandangkan kisah keperibadian mulia Rasulullah s.a.w. harus dijadikan role model yang sempurna untuk dicontohi dan diamalkan.

Seterusnya, konsep khilafah juga harus menjadi satu topik penting di dalam sistem pendidikan Islam kerana ianya menguraikan prinsip-prinsip yang harus dipegang manusia sebagai khalifah Allah s.w.t. di muka bumi dan bagaimana mereka harus memainkan peranan di dalam kehidupan bermasyarakat.

Menuntut ilmu adalah satu ibadah biarpun ilmu tersebut mengenai ilmu keduniaan seperti ilmu fizik, biologi, kimia, matematik, kejuruteraan dan sebagainya selagi tujuan menuntut adalah mencari keredhaan Allah s.w.t. serta ingin memajukan ummah supaya dapat berdaya saing dan setanding dengan masyarakat barat yang ternyata maju disebabkan penguasaan ilmu yang tinggi. Konsep ilmu di dalam Islam berbeza dengan pandangan sekular yang hanya berdasarkan sumber tertentu seperti eksperimen, sains, dan pengalaman tanpa mengambil kira sumber metafizik dan

ilmu spiritual yang dianjurkan agama. Golongan sekular umpamanya menolak ilmu eschatology atau kehidupan akhirat kerana ianya tidak dapat dibuktikan dengan cara eksperimen mahupun dilihat dan dirasa dengan mata kasar.

Ilmu di dalam konteks Islam dibahagikan kepada dua bahagian iaitu ilmu naqliah atau revealed knowledge dan ilmu aqliah atau acquired knowledge. Ilmu naqliah adalah fard ain dan menuntutnya adalah satu kewajipan bagi setiap individu. Ia merangkumi persoalan-persoalan asas tentang ilmu agama serta perkara-perkara berkaitan syariah. Manakala ilmu aqliah adalah ilmu dunia dalam pelbagai bidang. Ia menjadi fard kifayah yang harus dituntut oleh sesetengah individu di dalam masyarakat.

Setiap masyarakat harus memastikan bahawa terdapat beberapa individu yang mahir di dalam bidang-bidang tertentu bagi kepentingan dan kemaslahatan ummah seluruhnya. Dengan mewajibkan ilmu naqliah, Islam memastikan setiap individu berpaksikan keimanan dalam mempelopori apa jua ilmu aqliah. Ilmu naqliah amat penting dipelajari bagi memenuhi tuntutan agama dan keperluan spiritual individu manakala ilmu aqliah pula perlu bagi menjamin perkembangan sosial di dalam masyarakat. Justeru, Kedua-dua jenis ilmu tersebut penting bagi menjamin kebahagiaan hidup di dunia dan akhirat.

Pemisahan di antara kedua-dua ilmu di atas boleh menimbulkan kepincangan di dalam sistem pendidikan negara seterusnya gagal melahirkan individu yang berpersonaliti seimbang (balance personality). Usaha Universiti Islam Antarabangsa (UIA) mengintegrasikan ilmu di kalangan pelajar melalui program major dan minor adalah satu langkah positif bagi mengelak berlakunya dualisme di dalam sistem pendidikan. **Q**

* Penulis adalah Penolong Profesor Kulliyah Ilmu Wahyu dan Sains Kemanusiaan di Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM).